

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA MPSP
PROGRAM KHIDMAT SOSIAL LESTARI HIJAU 2014
SK PERMATANG TO' KANDU BERSAMA MPSP
PADA 24 MEI 2014, 10.30 PAGI
DI TAMAN BANDAR AMPANG JAJAR, PERMATANG PAUH**

Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Shukri Bin Abd Rahman

Guru Besar Cemerlang,
SK Permatang To' Kandu

Yang Berusaha Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud

Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Dihormati Ahli - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dipertua PIBG

SK Permatang To' Kandu

Barisan Penolong Kanan

SK Permatang To' Kandu

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Barisan Komuniti

PPR Ampangan

Barisan Komuniti
Permatang Nibong

Guru-guru dan ibubapa murid-murid serta murid-murid
SK Permatang To' Kandu

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi kepada semua,

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT dengan limpah kurnia dan izin NYA dapat kita bersama sama berkumpul di sini dan jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua kerana menjemput saya ke Program Khidmat Sosial Lestari Hijau 2014 Bersama SK Permatang To' Kandu pada pagi yang indah dan mendamaikan ini.

Untuk makluman hadirin sekalian,terdapat sebanyak 154 sekolah rendah di kawasan pentadbiran MPSP. Pada tahun 2014, terdapat sebanyak 105 buah sekolah telah menghantar penyertaan, daripada jumlah ini 75 adalah dari sekolah rendah dan 30 sekolah menengah. Pada tahun 2013, terdapat sebanyak 86 buah sekolah menyertai Anugerah Sekolah Hijau, dimana 61 adalah dari sekolah rendah dan 25 sekolah

menengah. Ini menunjukkan terdapat peningkatan yang ketara dalam penyertaan Anugerah Sekolah Hijau terutamanya sekolah rendah iaitu sebanyak 14 buah sekolah.

Tuan-tuan, puan-puan dan pelajar-pelajar yang dikasihi sekalian,,

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada SK To' Kandu kerana berjaya mendapat tempat pertama dalam Anugerah Sekolah Hijau MPSP bagi kategori Sekolah Rendah. Seperti yang anda sedia maklum, SK Permatang To' Kandu sememangnya aktif dalam aktiviti-aktiviti komuniti yang melibatkan alam sekitar bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Saya juga turut difahamkan bahawa SK Permatang To' Kandu telah mengenal pasti Program Lestari Hijau sebagai bidang kebitaraan kokurikulum ke arah pengiktirafan Sekolah Kluster Kecemerlangan menjelang tahun 2015 nanti. Saya doakan semoga SK Permatang To' Kandu berjaya mendapat pengiktirafan tersebut.

Program seumpama ini adalah bertujuan untuk membudayakan pendidikan alam sekitar dengan menerapkan nilai murni berkenaan alam sekitar merangkumi aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan

penghijauan secara berterusan bagi mewujudkan amalan hidup yang selaras dengan konsep pembangunan lestari.

Tuan-tuan, puan-puan dan pelajar-pelajar yang dikasihi sekalian,

Pendidikan Alam Sekitar ialah pembelajaran untuk memahami interaksi manusia dengan alam sekitar dan bagaimana alam sekitar diuruskan dengan bijaksana dan bertanggungjawab ke arah kelestarian hidupan di bumi. Proses ini melibatkan pendidikan tentang alam sekitar, melalui alam sekitar dan untuk alam sekitar yang mana menekankan konsep *What you give, you get back*.

Selaras dengan itu juga penekanan mengenai alam sekitar haruslah dimulakan daripada peringkat awal lagi dimulai daripada sekolah tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pengajian tinggi dan juga dikalangan komuniti masyarakat untuk memberikan pendedahan yang lebih terperinci supaya kita dapat sama-sama memahami konsep program lestari sekaligus bekerjasama memelihara dan memulihara alam sekitar. Majlis Perbandaran Seberang Perai sentiasa menyokong aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh sekolah-sekolah, organisasi bukan kerajaan dan juga komuniti untuk menerapkan kesedaran tentang alam sekitar yang semakin terancam pada masa kini.

Sempena dengan Program Khidmat Sosial Lestari Hijau pada hari ini pelbagai aktiviti jalankan seperti membersihkan kawasan persekitaran, mengecat bahu jalan, tiang papan dan juga penanaman pokok renek. Saya juga difahamkan sebanyak 50 pokok ditanam oleh anak-anak pelajar kita pada pagi ini.

Untuk pengetahuan hadirin sekalian, berdasarkan rekod penanaman pokok di kawasan pentadbiran MPSP dari bulan Januari sehingga April 2014 , sebanyak 290 pokok telah ditanam oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dan juga 3540 pokok ditanam oleh pemaju-pemaju perumahan baru di sekitar Seberang Perai. Ini sejajar dengan moto kerajaan Pulau Pinang iaitu *Cleaner, Greener, Healthier and Safer* yang mengutamakan keindahan,kehijauan dan kebersihan alam sekitar.

Untuk makluman hadirin yang dihormati sekalian,

Taman Bandar Ampang Jajar ini terletak di pinggir Sungai Perai dan berhampiran dengan jaringan Lebuhraya Utara-Selatan. Lokasi taman yang strategik dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti peralatan senaman, taman permainan, *trek jogging* dan laluan basikal yang sesuai dengan aktiviti riadah penduduk setempat. Luas

keseluruhan kawasan adalah 59.8 ekar. Bagi kawasan Taman Bandar Ampang Jajar luasannya adalah 36.3 ekar. Baki bagi tapak pelupusan sampah Ampang Jajar adalah 23.5 ekar. Daripada 36.3 ekar sebanyak 12.43 telah dibangunkan manakala bakinya adalah 23.87 ekar belum dibangunkan. Sebahagian kawasan ini dahulunya adalah tapak pelupusan sampah tetapi telah ditutup pada tahun 2012 selepas pembinaan *transfer station*. *Transfer station* ini berfungsi sebagai tempat pengumpulan sampah sebelum dihantar ke Pulau Burung.

Taman Bandar Ampang Jajar telah dibangunkan bagi fasa 1 sejak tahun 1994 dimana kerja-kerja yang dijalankan adalah membina persiaran tepi sungai, plaza, membina taman permainan, tandas awam, 'boardwalk', menara pandang, tapak letak kereta, jeti bot dan landskap yang menarik. Dianggarkan kos yang telah dibelanjakan untuk taman ini adalah berjumlah lebih dari RM4 juta dan dibiayai oleh Jabatan Landskap Negara.

Projek naiktaraf Taman Bandar Ampang Jajar yang bermula dari 9 November 2007 dan siap pada 31 Disember 2007 ini menelan perbelanjaan sebanyak RM 500,000.00 merangkumi pembinaan tembok sepanjang tepi sungai, membaiki tandas, menaiktaraf plaza dan taman permainan yang telah dibiayai oleh Kementerian Pelancongan khusus

untuk kesejahteraan penduduk dan pengunjung Taman Bandar Ampang Jajar.

Perancangan MPSP untuk 5 tahun akan datang antaranya adalah kita akan mewujudkan Tree Bank, Pusat Operasi Tapak Semaian dan Kawasan Hijau disini, Anggaran kos untuk perancangan pembangunan 5 tahun ini adalah RM1,390, 000.00.

Oleh itu, harapan saya dengan adanya penganjuran program pada pagi ini dapat mengindahkan dan menceriakan lagi Taman Bandar Ampang Jajar. Seterusnya menarik lebih ramai pengunjung untuk menggunakan taman rekreasi ini dan kemudahan yang Majlis sediakan dengan lebih berhemah.

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya ingin menyeru kepada semua pengunjung di sekitar Taman Bandar Ampang Jajar untuk bersama-sama dengan MPSP menjaga kemudahan yang disediakan dan bersama mengelakkan berlaku gejala vandalisma. Melalui aktiviti seperti hari ini kita dapat memupuk kesedaran tentang kecintaan terhadap alam sekitar sekaligus dapat mengeratkan silaturahim kerana sebahagian daripada kita ada yang bergelar jiran, namun masih tidak mengenali antara satu sama lain.

Saya juga berharap aktiviti-aktiviti yang dijalankan pada hari ini tidak terhenti begitu sahaja, tetapi menjadi titik permulaan untuk bersama-sama menjaga keindahan persekitaran kita.

Saya mengalukan-alukan lebih banyak lagi sekolah dan juga organisasi lain yang berminat bekerjasama dengan MPSP menganjurkan program seperti ini dalam meningkatkan lagi interaksi, kesedaran dan persefahaman dikalangan penduduk Seberang Perai.

Dengan ini, saya sudahi ucapan pada pagi ini dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.